

20/03/1998

Peluang untuk menerajui masa depan

"Perubahan (revolusi maklumat) pasti akan datang. Persoalannya sama ada kita menerajui atau hanya menjadi pengikut perubahan itu. Malaysia membuat keputusan menerajui perubahan itu dan projek showcasenya ialah Koridor Raya Multimedia (MSC)," demikian Pengerusi Microsoft Corp, Bill Gates, menggambarkan penyertaan Malaysia dalam industri teknologi maklumat (IT) pada ucapannya kelmarin.

Gates atau nama sebenarnya William H Gates memang terkenal bukan hanya kerana membina empayar perisian dunia tetapi keupayaan untuk melihat ke hadapan terutama bidang perkomputeran. Lebih 20 puluh tahun lalu, beliau menjangkakan komputer peribadi (PC) bakal menjadi instrumen penting dalam kehidupan harian manusia walaupun gergasi IT masa itu menegaskan PC terlalu mahal untuk kegunaan meluas. Hari ini jangkauan beliau tepat dengan kira-kira 80 juta PC sudah dijual dan dalam beberapa tahun lagi akan mencapai 100 juta.

Tidak keterlaluan jika kita katakan pengiktirafan projek MSC oleh individu terkaya di dunia itu membuktikan langkah kerajaan untuk memasuki bidang IT bukan suatu usaha yang sia-sia. Gates sendiri mengakui projek MSC sudah diiktiraf dengan meluas sebagai satu usaha yang inovatif dan kerana itu Microsoft memberi jaminan mahu membabitkan diri. Bagi kita kesungguhan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 'menjual' MSC, produk yang dicetuskan oleh beliau sendiri bagi menjadi pendorong utama pembangunan prasarana IT dan telekomunikasi, juga mencerminkan keupayaan rakyat dan negara. MSC adalah saluran untuk negara mengenal pasti pentingnya usaha mencakupi IT sebagai pelantar yang dapat meningkatkan keupayaan bersaing dalam pasaran global alaf depan.

Seperti yang kita maklum, pujian dari ahli industri Barat terhadap negara kecil seperti Malaysia bukan sesuatu yang mudah diperolehi. Berkurun lamanya pemikiran stereotaip dan pandangan berat sebelah Barat menghantui pembangunan dunia ketiga. Sokongan padu kepada MSC kini menjadi bukti perubahan nilai masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia dalam memelopori bidang teknologi tinggi. Jelas, promosi agresif Dr Mahathir dibantu syarikat kerajaan yang bertanggungjawab mengendali dan mempromosi projek mega MSC, berjaya membuka mata dunia.

Mungkin ini kali pertama dalam sejarah industri IT sebuah negara, kita melihat sokongan kolektif pakar dan peneraju syarikat IT antarabangsa kepada satu projek industri itu seperti yang diberikan kepada MSC. Kedatangan peneraju IT termasuk Gates dan komitmen yang dijanjikan dilihat sebagai suatu yang penting kerana syarikat mereka yang menguasai segmen khusus IT bakal mewarnai pengisian dan menggerak pembangunan secara mapan di MSC kelak.

Kita percaya jaminan Gates dan kapten IT lain yang pernah datang ke Malaysia sebelum ini - antaranya Pengerusi dan Ketua Eksekutif Netscape Corporation (syarikat pembangun perisian Internet terkemuka dunia), Dr Jim Clark, Ketua Pegawai Eksekutif Oracle Corporation (syarikat pengeluar perisian pangkalan data dunia), Ray Lane dan pengerusi dan ketua eksekutif AST Corporation (pengeluar PC terkemuka berjenama AST), Safi Qureshey dan Ketua Pegawai Operasi Lotus Development Corp (syarikat pembangun perisian Lotus Notes), Jeff Papows beberapa tahun lalu, menunjukkan kepercayaan dan minat mereka untuk turut cergas dalam MSC. Malah kita yakin kedatangan mereka ini sekali gus membantu menangkis pandangan negatif pengkritik MSC tempatan yang gagal melihat projek itu dalam skop sebenarnya iaitu sebagai

alat yang menempatkan negara dalam posisi peneraju dan bukan lagi pengikut.

Sesungguhnya MSC serta pembangunan pelbagai aplikasi buat kali pertama akan menempatkan Malaysia dalam kelas negara "baru" sebagai peneraju yang mengambil kesempatan revolusi maklumat dan dunia digital secara lengkap. Apapun kesimpulannya, MSC adalah projek IT dan telekomunikasi terbesar negara yang memerlukan komitmen dan penyertaan semua lapisan masyarakat daripada golongan profesional, syarikat korporat, sektor awam, pelajar, penduduk bandar hingga ke ceruk kampung. Lantaran itu, kita perlu sedia lebih awal dari segi kepakaran dan kemahiran asas berkomputer hingga kepada teknologi lebih maju untuk menghadapi ledakan pertumbuhan yang dicetuskan MSC. Selepas menjadi peneraju seperti kata Gates, rakyat tidak boleh menjadi pemerhati pasif tanpa memberi sumbangan atau mengambil kesempatan daripada pembangunan projek mega bermanfaat itu.

(END)